

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 29 FEBRUARI 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 2**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1531-MQT2588  
**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengikut tinjauan, penduduk Klang masih kurang berpuas hati terhadap hasil serbuan ke atas lubuk pendatang asing tanpa izin (PATI) di kawasan pedalaman Klang kerana jumlahnya masih tinggi. Persoalannya, adakah pihak Kementerian setuju bahawa aktiviti serbuan harus dilakukan secara lebih kerap supaya ia lebih menyeluruh.
  
2. PR-1531-MQT2597  
**Dato' Dr. Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan justifikasi Kerajaan membatalkan perkhidmatan Skim Perubatan Madani (SPM) di peringkat klinik swasta dan hanya meneruskan perkhidmatan tersebut di 10 daerah terpilih sahaja sedangkan Kementerian baru menerima peruntukan RM100 juta dalam Belanjawan 2024 untuk menambah baik skim perubatan tersebut.
  
3. PR-1531-MQT2607  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang faktor-faktor yang menyebabkan penurunan nilai mata wang Ringgit yang tidak mencerminkan petunjuk prestasi ekonomi negara yang menggalakkan, nyatakan kesan negatif, serta apakah langkah-langkah kewangan yang boleh diambil oleh Bank Negara untuk menghindar Ringgit terus susut nilai.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 29 FEBRUARI 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 4**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1531-L22714  
**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sektor-sektor apakah yang sedang Kerajaan pertimbangkan untuk membenarkan pasangan asing warganegara Malaysia bekerja, dengan mengambil kira kelayakan yang mereka miliki dan boleh disumbangkan kepada industri tersebut, memandangkan status Pemastautin Tetap yang amat sukar diperoleh.
  
2. PR-1531-L23347  
**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif proaktif oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan keberdayaan usahawan khususnya golongan B40 dan usahawan muda di kawasan pedalaman dan luar bandar Sabah.
  
3. PR-1531-L22704  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah 35% ahli KWSP berumur 54 tahun yang simpanan mereka untuk hari tua berada di bawah RM10,000 sahaja.

## 4. PR-1531-L23389

**Tuan Zakri bin Hassan [ Kangar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menangani isu pekerjaan di bawah kelayakan (*underemployment*) terutama di kalangan graduan secara berkesan mengambil kira peningkatan trend kadar guna tidak penuh siswazah dengan kelulusan *tertiary* namun bekerja dalam pekerjaan yang tidak setanding kelulusan mereka.

## 5. PR-1531-L22897

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) status projek pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) yang sakit di Kedah dan kesannya terhadap perkhidmatan air di Kedah; dan
- (b) langkah intervensi yang diambil oleh Kerajaan terhadap negeri yang mempunyai rizab simpanan air yang rendah.

## 6. PR-1531-L23822

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat peningkatan jumlah guru yang bersara awal dan apakah faktor yang menyebabkan peningkatan jumlah tersebut dan apakah penyelesaian holistik yang telah digunakan oleh Kerajaan untuk menangani isu tersebut.

## 7. PR-1531-L22779

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Sumbangan Asas Rahmah 2024 memberi subsidi yang lebih berbanding dengan Sumbangan Tunai Rahmah 2023. Apakah sebab peningkatan jumlah dan bilangan penerima tersebut. Nyatakan pelan pelaksanaan SARA apabila subsidi bersasar telah dilancarkan sepenuhnya.

## 8. PR-1531-L23788

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula kadar bantuan kewangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada penerima sedia ada supaya selari dengan kos sara hidup semasa yang semakin meningkat.

9. PR-1531-L22819

**Tuan Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memastikan akses bagi anak OKU terutama dalam kategori palsi serebrum (CP) ke sekolah-sekolah awam di negara ini tidak dinafikan.

10. PR-1531-L22996

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian bagi menangani permasalahan ancaman gajah dan harimau yang semakin ketara sehingga melibatkan kehilangan nyawa penduduk di Gua Musang.

11. PR-1531-L23276

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam meningkatkan bilangan usahawan di Sarawak dan nyatakan apakah jenis bantuan yang diberikan kepada usahawan Bumiputra dan nyatakan bilangan yang dibantu termasuk bagi kawasan Parlimen Igan.

12. PR-1531-L24060

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) status usia paip bekalan air utama di setiap negeri yang melebihi 25 tahun; dan
- (b) pelan induk kerja penggantian paip bekalan air utama di seluruh negara amnya dan di negeri Pahang dan Parlimen Kuantan khasnya serta implikasi kewangan berkaitan.

13. PR-1531-L22768

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan atas keperluan mendesak untuk meningkatkan integriti pegawai PDRM tatkala peningkatan penyalahgunaan kuasa, salah laku dan jenayah, adakah Kerajaan bercadang untuk mengemas kini Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) bagi meningkatkan kapasiti mereka untuk menyiasat penyalahgunaan kuasa.

14. PR-1531-L23659

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk menaiktaraf Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sebagai *full fledged* Universiti dalam waktu yang terdekat.

15. PR-1531-L24270

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah pelan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk menguruskan Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui Antarabangsa (I-REC) dan adakah ianya akan dibangun dan dikawal selia oleh agensi Kerajaan yang dilihat lebih neutral lagi berkecuali.

16. PR-1531-L23377

**Dato' Khliir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan operasi Jabatan Imigresen Malaysia dalam membanteras warga asing yang masuk secara haram dan masuk secara sah tetapi tidak keluar apabila tamat tempoh permit mereka.

17. PR-1531-L23124

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah jangkaan pendapatan yang diperoleh Kerajaan hasil daripada pelaksanaan Cukai Barang Mewah dan bila tarikh tepat Kerajaan akan melaksanakan Cukai Barang Mewah.

18. PR-1531-L23149

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencerahan bagi ketetapan pemakaian seragam oleh murid sekolah bagi sesi 2024/2025 yang telah pun dikeluarkan melalui pekeliling pada 29 Januari 2024 yang menetapkan bahawa ianya adalah autonomi kepada pihak sekolah yang bertanggung jawab. Kerajaan mempunyai alasan yang kukuh di atas keputusan tersebut dan meminta berkongsikan alasannya kepada Dewan Rakyat.

19. PR-1531-L23867

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah penerima pinjaman serta peruntukan TEKUN untuk masyarakat India sepanjang tahun 2023 mengikut bidang yang telah dikhususkan.

20. PR-1531-L23411  
**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memastikan perlombongan nadir bumi tidak memberi kesan terhadap kelestarian Alam Sekitar.
21. PR-1531-L22734  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan pihak polis mengenai satu kes jenayah di mana seorang bekas Pegawai Eksekutif Lembaga Wakaf Hindu, M. Ramachandran telah diserang dengan parang pada 23 Julai 2021 di luar rumahnya dan akibat serangan tersebut beliau hampir meninggal.
22. PR-1531-L24146  
**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa perancangan jangka masa panjang dan masa pendek Kementerian agar konsep Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih dapat diperluaskan segera.
23. PR-1531-L22766  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menurunkan kadar cukai pendapatan syarikat dalam perlumbaan ke bawah (*race to the bottom*) dengan negara serantau untuk menarik pelaburan dari luar atau akan melaksanakan kadar minimum dunia 15% terhadap syarikat multinational (MNC).
24. PR-1531-L23382  
**Dato' Khilir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai warga asing yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia terutama warga Pakistan dan Bangladesh dan menggunakan alasan ini untuk tinggal di Malaysia bagi menjalankan perniagaan kedai runcit dan lain-lain lagi.
25. PR-1531-L23267  
**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah guru yang berasal dari Sarawak dalam program pengambilan Guru Baharu yang dilaksanakan pada bulan Disember lalu. Berapa orangkah yang telah melapor diri dan berapa jumlah yang menolak tawaran dan nyatakan sebab-sebabnya.

26. PR-1531-L23386

**Tuan Zakri bin Hassan [ Kangar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan atau dasar baru sistem pendidikan negara bermula tahun 2026 memandangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 akan tamat pada 2025.

27. PR-1531-L23488

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan justifikasi dan rasional untuk kekalkan Akta Hasutan dan mengapa masih menggunakan akta ini untuk menjalankan siasatan terhadap segelintir orang.

28. PR-1531-L23395

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang telah disalurkan kepada penerima dan berapa ramai penerima yang telah berjaya/lulus untuk menerima sumbangan ini.

29. PR-1531-L23731

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cara pendekatan yang akan di ambil bagi memberi kesedaran dan galakan kepada rakyat untuk membayar cukai pendapatan terutamanya kepada golongan anak muda.

30. PR-1531-L23845

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan komprehensif bagi meningkatkan tahap penguasaan domain Literasi Saintifik, Matematik Dan Bacaan dalam kalangan pelajar sebagaimana kerangka yang dikehendaki oleh Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA).

31. PR-1531-L22713

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar bagi memastikan kanak-kanak yang ditempatkan di Baitul Mahabbah tidak dipisahkan daripada ahli keluarga mereka yang ditahan di pusat tahanan imigresen, tidak dihantar pulang secara paksa ke negara asal mereka atau ditahan selama-lamanya di Baitul Mahabbah.

32. PR-1531-L22793

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap cadangan penubuhan Lembaga Lembangan Ulu Muda (UMBA) oleh negeri Pulau Pinang. Sekiranya ia tidak dilaksanakan, apakah pendekatan Kerajaan dalam menjamin bekalan air di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sehingga tahun 2050.

33. PR-1531-L23800

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini penggubalan Dasar Pendidikan Digital serta perincian mengenai garis masa pelaksanaannya.

34. PR-1531-L23378

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa selepas pengumuman komitmen pelaburan ratusan bilion daripada China dan Amerika Syarikat oleh Kerajaan, nilai ringgit masih menjunam dan merudum antara terburuk di Asia.

35. PR-1531-L22916

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang dihantar mengikuti program latihan perguruan Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di Beijing Foreign Studies University (BFSU) dan Beijing Language and Culture University (BLCU) yang kini mengajar di SJKC dan SMJK pada tahun 2022 dan apakah hasil penilaian semasa Kementerian terhadap polisi ini.

36. PR-1531-L23837

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan SMK Langkon, Kota Marudu yang sehingga hari ini masih lagi belum siap dan menyebabkan kesukaran kepada guru dan pelajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Sehingga hari ini, pelajar SMK Langkon masih lagi berkongsi bangunan dengan SK Langkon yang menyebabkan kerencatan dalam proses pendidikan.

37. PR-1531-L23146

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan data statistik tentang kadar pengangguran siswazah terkini dan apakah perancangan serta program yang akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani isu pilih kerja bagi graduan agar mereka ini akan diberikan jaminan untuk tidak menganggur dalam tempoh yang terlalu lama.

38. PR-1531-L22784

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah masalah kesukaran untuk murid STPM memasuki kursus popular universiti awam yang mengakibatkan ramai murid cemerlang pergi ke universiti swasta akan mengurangkan kualiti dan taraf universiti awam Malaysia. Sarawak memerlukan satu lagi universiti awam untuk menampung murid yang semakin meningkat.

39. PR-1531-L22762

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pecahan jenis kesalahan imigresen yang dilakukan oleh pendatang asing tanpa izin (PATI) dan jumlah kompaun yang dikenakan sejak tahun 2018 sehingga 2023.

40. PR-1531-L22910

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kemampuan Kerajaan untuk menangguhkan pelaksanaan Cukai Barang Bernilai Rendah (LVGT) untuk barang bernilai RM500 ke bawah dan bagaimanakah LVGT ini boleh melindungi peniaga tempatan sedangkan barang yang dikenakan cukai adalah barang yang tidak diperbuat di Malaysia.

41. PR-1531-L24359

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa tindakan segera Kerajaan bagi mengekang kejatuhan Ringgit Malaysia yang semakin membimbangkan dan memberi kesan ekonomi terhadap rakyat.

42. PR-1531-L22826

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan baru-baru ini, kita telah dikejutkan oleh kemerosotan negara kita dalam Programme for International Student Assessment (PISA) 2023. Maka, apakah strategi yang sedang diusahakan untuk meningkatkan tahap kompetensi pelajar-pelajar kita dalam matapelajaran STEM dan Bahasa Inggeris secara keseluruhan.

43. PR-1531-L24006

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perancangan Kementerian untuk kuota Bumiputera dalam membangunkan industri tenaga boleh baharu (TBB).

44. PR-1531-L22878

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan data JPNS menunjukkan Guru yang mengajar opsyen Mata Pelajaran Sains adalah berlebihan di Sabah manakala guru mengajar opsyen Pendidikan Islam, Bahasa Melayu, Pendidikan Jasmani & Kesihatan dan Pendidikan Seni pula berkurangan. Adakah terdapat usaha untuk mengutamakan pengambilan calon-calon guru tempatan (Sabah) bagi memenuhi dasar 90:10.

45. PR-1531-L23298

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesalahan-kesalahan jenayah yang disenaraikan dalam Indeks Jenayah Polis. Kenapa jenayah berat seperti perbuatan khianat dengan api (*arson*) tidak disenaraikan.

46. PR-1531-L22718

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan undang-undang dan tatatertib kepada anggota polis yang bertugas menggunakan kekerasan fizikal kepada orang awam.

47. PR-1531-L22733

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Pihak Polis Diraja Malaysia terhadap Tun Dr Mahathir Bin Mohammad berkenaan kenyataan beliau yang telah dikeluarkan baru-baru ini bahawa warganegara Malaysia yang berketurunan India dan Cina tidak setia kepada Malaysia.

48. PR-1531-L23839

**Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hala tuju dan pendekatan Kementerian dalam meningkatkan motivasi pembelajaran anak-anak selepas pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan sejauh mana kayu ukur yang digunakan pada masa ini dapat membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi pembangunan negara.

49. PR-1531-L24277

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha untuk mengatasi kekurangan guru di sekolah vernakular Cina dan Tamil untuk tahun ini dan lima tahun akan datang dan nyatakan jumlah guru yang kurang dan berikan pecahan mengikut sekolah.

50. PR-1531-L23786

**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk memperkasa semula subjek vokasional di sekolah harian biasa seperti Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) supaya murid peringkat menengah atas yang tidak berminat dengan pembelajaran akademik boleh didorong dengan jurusan kemahiran tersebut.

51. PR-1531-L22748

**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Imigresen atau Kementerian, terutamanya dalam mengatasi isu pendatang tanpa izin dan penglibatan dalam aktiviti haram.

52. PR-1531-L23337

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perancangan projek tebatan banjir di Kawasan Larut Matang dan Selama (LMS) bagi mengatasi masalah banjir di Bukit Gantang bagi tahun 2024 dan apakah usaha Kementerian dalam memperbaiki sistem takungan di kawasan lombong dan saliran di Kurnia Jaya, Ayer Kuning, Taman Pengkalan Makmur dan Batu 14 Trong.

53. PR-1531-L22803

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam membaca, mengira (matematik) dan sains memandangkan kedudukan *Programme for International Student Assessment (PISA)* Malaysia 2022 menurun lagi.

54. PR-1531-L22997

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan universiti awam di Gua Musang. Selain faktor pemilikan tanah untuk tapak bina, apakah faktor lain yang diperlukan untuk menyegerakan pembinaan universiti awam tersebut.

55. PR-1531-L23220

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa gaji permulaan bagi pegawai polis yang berpangkat Konstabel berjumlah RM1441 tidak dikaji semula selepas gaji minima sebanyak RM1500 dikuatkuasakan.

56. PR-1531-L22709

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian telah mempelajari dan mencontohi sistem pembelajaran di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang dikendalikan secara autonomi oleh agensi MARA yang ternyata telah berjaya dan sangat popular di kalangan ibu bapa yang berlumba-lumba menghantar anak mereka belajar di MRSM.

57. PR-1531-L23885

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi membendung gejala tidak minat belajar dalam kalangan remaja khususnya pelajar lelaki dan data lengkap unjuran pelajar lelaki dan perempuan di IPTA pada tahun 2030.

58. PR-1531-L22776

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian memberikan kelonggaran agar membenarkan anak-anak tidak berdokumentasi (salah seorang ibu/bapa warganegara) agar dibenarkan masuk bagi mendapatkan pendidikan di peringkat sekolah rendah sehingga pra-universiti sementara menunggu keputusan permohonan kewarganegaraan merujuk kepada semangat *Zero Reject Policy* KPM.

59. PR-1531-L23846

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap penguasaan murid ke atas silibus pembelajaran Tahap Satu Sekolah Rendah (Kurikulum Standard Sekolah Rendah - Semakan 2017) selaras dengan pengenalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPSK).

60. PR-1531-L22867

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah terdapat sebarang inisiatif serta perancangan pihak Kementerian untuk memperbesarkan sungai di Kampung Sungai Memanjang, Kampung Gumgum dan Kampung Pertanian Batu 25 Sandakan.

61. PR-1531-L22717

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan dan impak terkini atas serangan gajah liar terhadap kebun-kebun dan ladang-ladang yang dimiliki oleh penduduk yang terkesan dalam negara terutamanya Parlimen Jeli.

62. PR-1531-L23641

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah ada hasrat Kementerian untuk menawarkan kerakyatan kepada warganegara asing yang berkepakaran tinggi di dalam bidang strategik yang dikenal pasti bagi membantu proses transformasi negara berjalan dengan lebih cepat dan teratur seperti dalam teknologi dron dan *cyber security*.

63. PR-1531-L23890

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) apakah justifikasi lantikan semula profesor-profesor kontrak yang telah berpencen dan apakah had umur dan masa lantikan para profesor; dan
- (b) apakah pelan penggantian (*succession plan*) Kementerian untuk menggantikan profesor yang berpengalaman dan bersara.

64. PR-1531-L22804

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah *speech and language therapist* (SLT) yang dihasilkan oleh institut pendidikan tinggi awam dan swasta masing-masing setiap tahun:-

- (a) adakah ia mencukupi untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan jumlah SLT yang dihasilkan setiap tahun.

65. PR-1531-L23381

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan terhadap fitnah yang mengaitkan Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dirasuh dan mengapa sehingga kini belum ada tangkapan serta pendakwaan dibuat sedangkan ia melibatkan institusi terpenting negara.

66. PR-1531-L23339

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian mengenai kedudukan terkini hutang Kerajaan, pinjaman baharu Kerajaan serta kadar defisit fiskal sehingga kini.

67. PR-1531-L22795

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai pelancongan yang telah dikutip pada tahun 2022 serta 2023 mengikut pecahan negeri. Daripada jumlah tersebut, perincikan jumlah penyaluran kepada setiap negeri, apakah formula serta kriteria yang digunakan dan adakah terdapat sebarang perubahan berhubung kaedah pengagihan membabitkan tempoh berkaitan.

68. PR-1531-L22759

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan melihat peranan lebih komprehensif yang perlu dimainkan oleh bank-bank utama di Malaysia dalam usaha mengekang mangsa penipuan dalam talian terutama membabitkan warga emas yang sering terpedaya.

69. PR-1531-L(5)00218

**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah penerimaan pelajar ke bidang kedoktoran perubatan, perundangan, dan kejuruteraan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun 2023 mengikut pecahan pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

70. PR-1531-L22745

**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah perdagangan manusia yang dilihat semakin meningkat termasuk juga penambahbaikan dalam undang-undang, dan usaha pencegahan .

71. PR-1531-L23784

**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Skim Pembiayaan Tekun Mobilepreneur akan diteruskan bagi membantu golongan yang terlibat dengan ekonomi gig seperti penghantar makanan khasnya golongan belia.

72. PR-1531-L23438

**Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status cadangan pembinaan baru kompleks ICQS Bukit Berapit Pengkalan Hulu yang semakin padat dengan aliran trafik pelancong ke Thailand.

73. PR-1531-L23437

**Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah peruntukan RM50 juta untuk perumahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang diumumkan merangkumi cadangan pembinaan Kompleks Perumahan Kastam di Pengkalan Hulu Perak.

74. PR-1531-L22777

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian memberi jaminan peruntukan kewangan tahunan kepada PIBG sekolah-sekolah disalurkan di seluruh Malaysia. Melihat kepada peranan PIBG semakin sukar untuk menghadapi kemodenan serta kemajuan pendidikan dalam aspek menganjurkan program untuk pelajar, ibu bapa dan guru.

75. PR-1531-L23367

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan naik taraf kemudahan Balai Polis - Balai Polis uzur dalam Parlimen Bukit Gantang sebagai contoh Balai Polis Padang Gajah yang suram dari aspek pencahayaan dan sistem lampu.

76. PR-1531-L23426

**Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [ Lumut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan tuntas bagi mengelakkan kejadian tahanan Pendatang Asing Tanpa Izin lari dari tahanan berulang lagi.

77. PR-1531-L24281

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sejauh mana hasrat Kerajaan untuk mengkaji semula jumlah peruntukan bagi Geran Kerajaan Persekutuan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri agar jumlahnya lebih munasabah; dan
- (b) berapakah peruntukan geran Kerajaan Persekutuan yang telah diberikan kepada setiap Kerajaan Negeri bagi tahun 2020 hingga 2023.

78. PR-1531-L22823

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang telah dilantik kepada jawatan-jawatan GLC sejak penubuhan Kerajaan Perpaduan.

79. PR-1531-L23499

**Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [ Pagoh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) jumlah penerima biasiswa Kerajaan (melibatkan semua agensi terlibat) serta kos untuk melanjutkan pengajian tinggi di dalam dan luar negara mengikut kaum, strata pendapatan dan peringkat pengajian; dan
- (b) apakah perancangan Kerajaan dalam pemberian biasiswa kepada pelajar pada masa depan.

80. PR-1531-L22859

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jangkaan masalah infrastruktur masuk ke Kolej Vokasional Tanjung Piai yang dibina dengan kos RM64 juta pada 2014 ini dapat diselesaikan memandangkan isu ini memberi kesan terhadap kelayakan kolej tersebut untuk memperoleh pengiktirafan penuh dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

81. PR-1531-L24216

**Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini berkaitan Kertas Perundingan Awam Kedua (CP2) yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (CCOB).

82. PR-1531-L23205

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab pembatalan pengajaran mata pelajaran dwi-bahasa di sekolah-sekolah dan prestasi pengajaran selama ini.

83. PR-1531-L24086

**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) punca penurunan mendadak nilai ringgit selepas Kerajaan Madani mengambil alih pentadbiran; dan
- (b) langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi isu kos makanan dan kos sara hidup yang semakin membebankan rakyat.

84. PR-1531-L23007

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) apakah kemajuan yang telah dicapai di Malaysia dalam meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu dan meningkatkan kadar kecekapan tenaga secara keseluruhan; dan
- (b) apakah rancangan yang akan dijalankan untuk mempercepat pencapaian matlamat Konferensi Perubahan Iklim PBB 2023 (COP 28) untuk mempercepatkan teknologi tanpa pelepasan karbon (*zero and low emission technologies*).

85. PR-1531-L24239

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) berapa peratus sumbangan terkini sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara; dan
- (b) berapa sasaran yang ditetapkan Kerajaan bagi tahun 2024 serta apakah inisiatif Kerajaan yang akan mendorong pencapaian sasaran tersebut.

86. PR-1531-L23739

**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah-sekolah daif di bawah Parlimen Puncak Borneo dan status baik pulih terkini.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam**

\* Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Tuan Haji Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas."

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (28 Februari 2024)**

2. ( D.R 38/2023 ) Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
**[ Perdana Menteri ]**
3. ( D.R 41/2023 ) Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 "  
**[ Perdana Menteri ]**
4. ( D.R 39/2023 ) Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 "  
**[ Menteri Pendidikan Tinggi ]**
5. ( D.R 37/2023 ) Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 "  
**[ Menteri Kerja Raya ]**
6. ( D.R 35/2023 ) Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 "  
**[ Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam ]**

7. PR-1531-U(27)308

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

**[ Menteri Kewangan ]**

8. PR-1531-U(27)309

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhanya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebangkan rakyat sehingga hari ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

## 9. PR-1531-U(27)310

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi perlaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

**[ Menteri Kewangan ]**

## 10. PR-1531-U(27)311

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

**[ Menteri Luar Negeri ]**

11. PR-1531-U(27)312

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkau lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

12. PR-1531-U(27)313

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

### **[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

13. PR-1531-U(27)314

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyedia satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

### **[ Menteri Kewangan ]**

14. PR-1531-U(27)315

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

#### **[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**

15. PR-1531-U(27)316

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

#### **[ Menteri Pertahanan ]**

16. PR-1531-U(27)317

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyeferakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

#### [ Menteri Dalam Negeri ]

17. PR-1531-U(27)318

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

#### [ Menteri Komunikasi ]

18. PR-1531-U(27)319

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

#### [ Menteri Pengangkutan ]

19. PR-1531-U(27)320

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

20. PR-1531-U(27)321

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barang pada masa ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

21. PR-1531-U(27)322

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa kecinciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu- bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 1	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Tindakan Susulan Kementerian Pertahanan Malaysia bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – <i>Littoral Combat Ship</i> (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia bagi tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 (DR.6/2023) dan Jun hingga September 2023 (DR.13/2023)	29 Februari 2024
CMD. 1	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) Tahun 2022	29 Februari 2024
ST. 28	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia Bagi Tahun 2021	29 Februari 2024
ST. 29	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Bagi Tahun 2022	29 Februari 2024
ST. 30	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka Bagi Tahun 2022	29 Februari 2024
ST. 31	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris Bagi Tahun 2022	29 Februari 2024
ST. 36	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Bagi Tahun 2022	29 Februari 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
29.02.2024 (Khamis)	1. YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)	1. Cadangan Membentang Semula Rang Undang-Undang Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia	1. YB Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi
		2. Dasar Pemberian Mikro Kredit	2. YB Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi
	2. YB Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya (Pokok Sena)	3. Tindakan Terhadap Kenyataan Provokatif Pemimpin Politik  4. Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri Menggubal Undang-undang Syariah	3. YB Menteri Komunikasi  4. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**